

Soalan 17 hingga 20

Baca dialog di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Sang Arnab : Kawan-kawan, musim **tengkujuh** akan tiba. Marilah kita cari makanan sekarang.

Si Murai : Baiklah, Sang Arnab.

Sang Tupai : Saya tidak mahu ikut sama. Saya akan cari makanan sendiri.

Tidak lama kemudian, musim tengkujuh pun tiba.

Sang Tupai : Wahai kawan-kawan, saya lapar! Berikanlah saya sedikit makanan. Saya minta maaf kerana tidak mendengar nasihat kamu.

Sang Arnab dan Si Murai : Kami maafkan kamu. Nah, ambillah makanan ini!

Sang Tupai : Terima kasih kawan-kawan.

Sang Arnab dan Si Murai : Sama-sama. Kita mestilah tolong-menolong.

17. Siapakah yang enggan keluar mencari makanan?

- A Si Murai
- B Sang Tupai
- C Sang Arnab

18. Mengapakah Sang Tupai meminta maaf?

- A Kerana tidak mahu berkongsi makanan
- B Kerana tidak dapat bersama-sama mencari makanan
- C Kerana tidak mendengar nasihat Sang Arnab

19. Berikut merupakan nilai-nilai murni yang ditunjukkan oleh Sang Arnab dan Si Murai **kecuali**

- A pemaaf.
- B tolong-menolong.
- C mementingkan diri.

20. Musim **tengkujuh** bermaksud

- KDAB** A musim hujan.
- B musim kemarau.
- C musim buah-buahan.